

## **KAJIAN RINTIS KESAN-KESAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) PADA WANITA ISLAM**

**Khairul Zahreen Mohd Arof**

Estiva Home, Kampung Desa Aman,  
47000 Sungai Buloh, Selangor, Malaysia.

**Mohd Al'ikhsan Ghazali**

Faculty of Social Sciences and Humanities,  
Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur,  
Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Mohd Daud Awang**

Faculty of Human Ecology,  
Universiti Putra Malaysia.

**Mohd Hambali Abd Rashid**

Faculty of Social Sciences and Humanities,  
Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur,  
Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Nadeera Abdul Razak**

Department of Mechanical, Aerospace and Civil Engineering,  
University of Manchester, Sackville Street, Manchester,  
M13 9PL, United Kingdom

*Corresponding Author's Email: khairulzahreen@gmail.com*

### **Article history:**

*Received : 15 April 2021*

*Accepted : 28 May 2021*

*Published : 31 October 2021*

### **ABSTRAK**

Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia sebagai darurat kesihatan dan wabak global pada 11 Mac 2020. Beberapa negara telah menguatkuasakan perintah kawalan pergerakan bagi mengawal penyebaran COVID-19. Malangnya, penguatkuasaan ini memberi kesan kepada kebanyakan industri secara keseluruhannya serta kehidupan masyarakat umum terutama dari aspek rohani, fizikal, emosi, kewangan dan juga intelektual. Artikel ini cuba untuk mengkaji kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 terhadap kehidupan manusia yang mana meliputi aspek rohani, fizikal, emosi, intelektual dan kewangan secara terperinci dengan pengkhususan kepada wanita Islam dari

beberapa negara beberapa negara terpilih. Borang soal selidik dihasilkan berdasarkan tinjauan literatur yang sistematik dan 30 orang responden telah berjaya dikumpulkan dari setiap negara yang dipilih sebagai kajian rintis. Borang soal selidik yang digunakan, telah dibangunkan melalui proses tinjauan literatur sistematik pada kajian-kajian yang seumpama dengan skop kajian ini. Seramai 30 orang responden dari kalangan wanita Islam yang telah dipilih mewakili negara Malaysia, Kenya, Arab Saudi, Mesir dan Oman. Hasil kajian menunjukkan wanita Islam di Malaysia, Kenya, Arab Saudi, Mesir dan Oman terkesan secara positif dari aspek rohani, fizikal dan intelektual berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19. Namun demikian, wanita Islam di Kenya pula tidak menunjukkan sebarang impak dari segi aspek rohani. Bagi aspek lain, terutamanya fizikal, emosi dan kewangan; kajian menunjukkan tren yang sangat berbeza bagi kelima-lima negara berkemungkinan disebabkan oleh faktor budaya setempat.

**Kata Kunci:** Wabak Covid-19; Kajian Perbandingan; Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19; Dunia Wanita Islam.

### ***PILOT STUDY OF THE EFFECTS OF THE MOVEMENT CONTROL ORDER CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) ON MUSLIM WOMEN***

#### ***ABSTRACT***

*Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) was declared by the World Health Organization as a global health emergency and epidemic on March 11, 2020. Several countries have enforced movement control orders to control the spread of COVID-19. Unfortunately, this enforcement affects most of the industry as a whole as well as the lives of the general public especially from the spiritual, physical, emotional, financial and even intellectual aspects. This article attempts to examine the effects of the enforcement of the COVID-19 movement control order on human life which covers spiritual, physical, emotional, intellectual and financial aspects in detail with specialization to Muslim women from a few selected countries. Questionnaires were produced based on a systematic literature review and 30 respondents were successfully collected from each country selected as a pilot study. The questionnaire form used, was developed through a systematic literature review process on studies similar to the scope of this study. A total of 30 respondents from Muslim women who were selected to represent Malaysia, Kenya, Saudi Arabia, Egypt and Oman. The results showed that Muslim women in Malaysia, Kenya, Saudi Arabia, Egypt and Oman were positively affected spiritually, physically and intellectually following the enforcement of the COVID-19 Movement Control Order. However, Muslim women in Kenya did not show any impact in terms of spiritual aspects. For other aspects, especially physical, emotional and*

*financial; studies show very different trends for the five countries are likely due to local cultural factors.*


**Keywords:** *Covid-19 Outbreak; Comparative Study; Covid-19 Movement Control Order; The World Of Islamic Women*

## **PENGENALAN**

Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia sebagai darurat kesihatan dan wabak global pada 11 Mac 2020 (Sui-Lee, Donald dan Javier, 2020). Dalam mengawal penyebaran COVID-19 yang berlaku dengan pantas, perintah kawalan pergerakan COVID-19 telah dikuatkuasakan pada banyak negara di dunia seperti Malaysia, Mesir, Jerman, Kenya, Arab Saudi, Oman dan Turki. Penguatkuasaan ini memberi kesan kepada kebanyakan industri secara keseluruhannya serta kehidupan masyarakat umum terutama dari aspek rohani, fizikal, emosi, kewangan dan juga intelektual. Devi dan Nazrudin (2020), Basir (2020), Mahmud (2021), Singh et al. (2020) dan Hiremath et al. (2020) melaporkan bahawa penguatkuasaan ini memberi kesan yang amat membimbangkan kepada orang awam. Talha (2020), Sahari (2020), Hassan (2020), Isa (2020) dan Bilici (2020) melaporkan bahawa penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 ini memberi kesan positif terutamanya dalam aspek rohani walaupun penguatkuasaan ini turut mengakibatkan penutupan pusat-pusat keagamaan, seperti masjid, kuil dan gereja (Talha, 2020; Sahari, 2020; Hassan, 2020; Isa, 2020 dan Bilici, 2020). Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 terhadap kehidupan manusia merangkumi kerohanian, fizikal, emosi, intelektual dan kewangan secara terperinci dalam kalangan wanita Islam.


## **TINJAUAN LITERATUR**

Beberapa penulis melaporkan kesan wabak Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) (Xiong et al. 2020; Roques et al. 2020) dan langkah-langkah pengawalannya seperti kelengkapan pelindung diri dan disinfeksi (Alshammari, Altebainawi, dan Alenzi, 2020; Güner, Hasanoglu dan Aktaş, 2020; Xiao dan Torok, 2020). Penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 telah dijalankan oleh beberapa negara seperti Malaysia, Mesir, Kenya, Arab Saudi dan Oman. Penguatkuasaan ini bertujuan mengawal penyebaran COVID-19 dengan melandaikan lekungan jangkitan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1 mengenai unjuran jangkitan Coronavirus untuk menanda aras senario wabak yang tidak terkawal dan terkawal. Thunstrom et al. (2020) telah menjelaskan jarak sosial membantu meratakan lekungan jangkitan dan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 adalah salah satu cara terbaik dalam memastikan jarak sosial (Ramadass, Arunachalam dan Sagayasree, 2020).



Rajah 1: Unjuran jangkitan Coronavirus untuk penanda aras senario wabak yang tidak terkawal dan terkawal

Sumber: Diambil dan diubahsuai dari Thunstrom et al. (2020)



Rajah 2: Ringkasan aspek-aspek yang terkesan oleh orang awam disebabkan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19

Sumber: Diambil dan diubahsuai dari Talha (2020), Sahari (2020), Hassan (2020), Isa (2020), Devi dan Nazrudin (2020), Basir (2020), Mahmud (2021), Ngadi (2021), Spitzenstätter dan Schnell (2020), Bilici (2020), Singh et al. (2020), Hiremath et al. (2020) dan Ozalp (2020)

Malangnya penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan terhadap aspek rohani, fizikal, emosi, kewangan dan juga intelektual orang awam (Talha, 2020; Sahari, 2020; Hassan, 2020; Isa, 2020; Devi dan Nazrudin, 2020; Basir, 2020; Mahmud, 2021; Ngadi, 2021; Spitzenstätter dan Schnell, 2020; Bilici, 2020; Singh et al., 2020; Hiremath et al., 2020; Ozalp, 2020). Rajah 2 meringkaskan aspek-aspek yang terkesan oleh orang awam disebabkan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 seperti yang dilaporkan oleh Talha (2020), Sahari (2020), Hassan (2020), Isa (2020), Devi dan Nazrudin (2020), Basir (2020), Mahmud (2021), Ngadi (2021), Spitzenstätter dan Schnell (2020), Bilici (2020), Singh et al. (2020), Hiremath et al. (2020) dan Ozalp (2020).

Secara amnya, kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kepada orang awam dapat dibahagikan kepada lima (5) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2. Jadual 1 merumuskan kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kepada orang awam secara terperinci merujuk laporan yang dikeluarkan oleh Talha (2020), Sahari (2020), Hassan (2020), Isa (2020), Devi dan Nazrudin (2020), Basir (2020), Mahmud (2021), Ngadi (2021), Spitzenstätter dan Schnell (2020), Bilici (2020), Singh et al. (2020), Hiremath et al. (2020) dan Ozalp (2020). Jadual 1 disusun dari kedudukan terpenting ke kedudukan kurang penting berdasarkan kekerapan kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 dalam laporan terdahulu. Jadual 1 menunjukkan bahawa kesan-kesan yang tertinggi adalah dari aspek rohani diikuti fizikal, emosi, intelektual dan kewangan.

Jadual 1: Kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kepada orang awam

<b>Kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kepada orang awam</b>	Talha (2020)	Sahari (2020)	Hassan (2020)	Isa (2020)	Devi dan Nazrudin (2020)	Basir (2020)	Mahmud (2021)	Ngadi (2021)	Spitzenstätter dan Schnell	Bilici (2020)	Singh et al. (2020)	Hiremath et al. (2020)	Ozalp (2020)	Frequency
<b>Rohani</b>	/	/	/	/					/	/			/	7
1. Menambah masa beribadah di rumah bersama keluarga	/	/	/	/						/				5
2. Memberi peluang untuk lebih mengaji		/	/							/				3
3. Memberi kesedaran untuk beribadah			/	/					/					3

<b>Kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kepada orang awam</b>	Talha (2020)	Sahari (2020)	Hassan (2020)	Isa (2020)	Devi dan Nazrudin (2020)	Basir (2020)	Mahmud (2021)	Ngadi (2021)	Spitzenstätter dan Schnell	Bilici (2020)	Singh et al. (2020)	Hiremath et al. (2020)	Ozalp (2020)	Frequency
4. Mengikatkan diri mengamalkan sunnah		/								/			/	3
5. Menggalakkan kerja-kerja amal								/						1
6. Menggalakkan sedekah													/	1
7. Dapat mengawal diri dari melakukan maksiat													/	1
<b>Fizikal</b>				/	/	/	/			/	/			<b>6</b>
8. Menyebabkan gementar				/								/		2
9. Menyebabkan susah untuk bernafas				/								/		2
10. Menyebabkan tekanan di dada				/								/		2
11. Menggalakkan diri untuk melakukan senaman										/				1
<b>Emosi</b>				/	/	/	/			/	/			<b>6</b>
12. Menyebabkan kegelisahan				/	/	/				/	/			5
13. Menyebabkan emosi tidak stabil				/		/	/							
14. Menyebabkan tekanan					/							/		2
15. Menyebabkan kekecewaan										/	/			2
16. Menyebabkan ketakutan										/				1
17. Menyebabkan diri berasa keseorangan										/				1
<b>Intelektual</b>			/				/	/	/					<b>4</b>
18. Menggalakkan diri untuk hadir kelas di atas talian							/	/	/					3

<b>Kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kepada orang awam</b>	Talha (2020)	Sahari (2020)	Hassan (2020)	Isa (2020)	Devi dan Nazrudin (2020)	Basir (2020)	Mahmud (2021)	Ngadi (2021)	Spitzenstätter dan Schnell	Bilici (2020)	Singh et al. (2020)	Hiremath et al. (2020)	Ozalp (2020)	Frequency
19. Menggalakkan diri untuk hadir kursus latihan di atas talian							/	/	/					3
20. Menggalakkan diri untuk lebih membaca							/	/	/					3
21. Menggalakkan diri untuk mempelajari ilmu baru				/			/		/					3
<b>Kewangan</b>	/									/	/			<b>3</b>
22. Menyebabkan kehilangan sumber pendapatan	/										/	/		3
23. Menyebabkan hutang bertambah	/										/	/		3
24. Menyebabkan kesempitan dalam membeli keperluan harian	/									/				2

*Sumber: Diambil dan diubahsuai dari Talha (2020), Sahari (2020), Hassan (2020), Isa (2020), Devi dan Nazrudin (2020), Basir (2020), Mahmud (2021), Ngadi (2021), Spitzenstätter dan Schnell (2020), Bilici (2020), Singh et al. (2020), Hiremath et al. (2020) dan Ozalp (2020)*

## **METODOLOGI KAJIAN**

Artikel ini mengadaptasi kajian kuantitatif dengan mengumpulkan data dari borang soal selidik. Kajian tinjauan literatur yang sistematik dilaksanakan pada mulanya bertujuan untuk mendapatkan data sekunder. Seterusnya, data sekunder ini digunakan untuk menghasilkan borang soal selidik. Borang soal selidik ini merupakan instrumen kajian yang digunakan untuk mendapatkan data primer. Sebanyak 30 responden berjaya dikumpulkan bagi tujuan rintis bagi penulisan artikel ini bagi setiap negara yang dikaji. 30 responden ini bersamaan 10 peratus dari jumlah sampel yang diperlukan untuk kajian penuh. Kajian ini mengambil cadangan dari Ghazali et al. (2020) dan Nunnally (1967)

dengan mengambil 10 peratus responden dari jumlah sampel penuh untuk tujuan kajian rintis. Jadual 2 merumuskan nilai Cronbach Alpha kajian mengikut negara. Mengikut saranan Arof et al. (2020) dan Nunnally (1967), data kajian yang mempunyai nilai Cronbach Alpha melebihi 0.70 boleh diterima dan dipercayai dan sebaliknya bagi data yang mempunyai nilai sama atau kurang dari 0.70. Jadual 2 menunjukkan nilai Cronbach Alpha kajian mengikut negara kajian ini.

Jadual 2: Nilai Cronbach Alpha kajian mengikut negara

Negara	Malaysia	Kenya	Arab Saudi	Mesir	Oman
Nilai Cronbach Alpha	0.90	0.82	0.79	0.91	0.77

Jadual 3: Tahap Kesan berdasarkan Julat Indeks Kepentingan Relatif (IKR)

Julat IKR	Penerangan
$0.80 \leq RII \leq 1.00$	Sangat terkesan (S-T)
$0.60 \leq RII < 0.80$	Terkesan sederhana tinggi (T-S-T)
$0.40 \leq RII < 0.60$	Terkesan sederhana (T-S)
$0.20 \leq RII < 0.40$	Terkesan sederhana rendah (T-S-R)
$0.00 \leq RII \leq 0.20$	Tidak terkesan (T-T)

Sumber: Diambil dan diubahsuai dari Akadiri (2011) and Rooshdi et al. (2018)

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 4 merumuskan hasil kajian mengenai aspek-aspek yang terkesan oleh wanita Islam dunia disebabkan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 berdasarkan lima (5) negara iaitu Malaysia, Kenya, Saudi, Mesir dan Oman. Dua negara lain iaitu Jerman dan Turki yang terlibat dalam kajian ini tidak dilampirkan di dalam hasil kajian dan perbincangan kerana mempunyai data yang tidak konsisten dan boleh dipercayai (Arof et al., 2020) seperti yang diterangkan pada metodologi kajian. Merujuk jadual 4, dapat dilihat bahawa aspek rohani terkesan sederhana tinggi (T-S-T) dan Kenya hanya terkesan sederhana (T-S). Wanita Islam di Malaysia, Mesir dan Oman juga terkesan sederhana (T-S) dari aspek kewangan tetapi Kenya dan Arab Saudi terkesan T-S-T. Penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 juga memberi kesan dari aspek fizikal wanita Islam di Kenya secara T-S-T dan T-S bagi negara lain, Malaysia, Arab Saudi, Mesir dan Oman. Wanita Islam di Kenya juga T-S-T dari aspek emosi dan T-S bagi Malaysia, Arab Saudi, Mesir dan Oman. Akhirnya, semua negara yang yang dikaji turut T-S dari aspek intelektual.



Jadual 4 Aspek-aspek yang terkesan oleh wanita Islam dunia disebabkan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19

Aspek	Negara									
	Malaysia		Kenya		Arab Saudi		Mesir		Oman	
	IKR	K	IKR	K	IKR	K	IKR	K	IKR	K
Rohani	0.72	1	0.58	4	0.77	1	0.72	1	0.75	1
Kewangan	0.54	4	0.62	3	0.61	3	0.54	4	0.59	3
Fizikal	0.53	5	0.62	3	0.44	5	0.53	5	0.45	5
Emosi	0.58	3	0.78	1	0.58	4	0.58	3	0.56	4
Intelektual	0.68	2	0.64	2	0.64	2	0.68	2	0.64	2

\*\*\*Nota : IKR = Indeks Kepentingan Relatif, K = Kedudukan

Sebanyak 34 kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kepada oleh wanita Islam dikaji dalam artikel ini. Jadual 5 menunjukkan kesan-kesan kepada wanita Islam di Malaysia, Kenya, Saudi, Mesir dan Oman mengikut pecahan aspek seperti di jadual 4 secara terperinci. Secara amnya, wanita Islam terkesan dengan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 dari aspek rohani secara positif seperti lebih beribadah, mengaji, beribadah bersama keluarga, melakukan amal jariah, bersedekah dan lari dari melakukan maksiat. Antara kesan-kesan positif lain ialah dari aspek intelektual. Walaupun negara Malaysia, Kenya, Arab Saudi, Mesir dan Oman menguatkuasakan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kesannya kepada wanita Islam dari aspek intelektual seperti melibatkan diri dengan kelas pengajian dan kursus latihan atas talian, lebih membaca, mencari minat dan ilmu baru serta menghabiskan masa untuk perbincangan ilmiah. Wanita Islam di Malaysia, Kenya, Arab Saudi, Mesir dan Oman juga terkesan secara positif dengan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kepada wanita Islam dunia pada aspek fizikal seperti melakukan senaman, diet seimbang dan gaya hidup sihat.

Malangnya, penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan kepada wanita Islam secara negatif dari aspek kewangan dan emosi. Dari sudut aspek kewangan, wanita Islam kehilangan sumber pendapatan, tidak dapat mencari kerja dan ada juga yang terkesan dengan bebanan hutang meningkat. Selain itu, aspek emosi juga turut memberi kesan kepada wanita Islam terutamanya di Kenya. Wanita Islam mengalami masalah emosi yang negatif seperti tertekan, berasa kecewa, ketakutan, timbul perasaan keseorangan dan juga masalah tidur. Secara amnya, walaupun wanita Islam terkesan secara negatif dengan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19, kesan-kesan ini bukanlah sesuatu yang kritikal kerana nilai IKR yang kurang dari 0.8 (Akadiri, 2011); Rooshdi et al. 2018).

Jadual 5 Kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kepada oleh wanita Islam dunia

Kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kepada oleh wanita Islam dunia		Malaysia		Kenya		Arab Saudi		Mesir		Oman		
		IKR	K	IKR	K	IKR	K	IKR	K	IKR	K	
Lebih terkesan	1.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan penglibatan diri untuk beribadah	0.80	2	0.71	1	0.92	2	0.93	1	0.92	2
	2.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan penglibatan diri untuk mengaji Al Quran	0.76	3	0.49	6	0.81	3	0.48	6	0.76	3
	3.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan penglibatan diri untuk melakukan ibadah bersama keluarga di rumah	0.83	1	0.71	1	1.00	1	0.78	3	1.00	1
	4.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan penglibatan diri melakukan perkara sunnah	0.75	4	0.69	3	0.60	6	0.69	4	0.57	6
	5.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan penglibatan diri dengan amal jariah	0.59	7	0.60	4	0.52	7	0.41	7	0.52	7
	6.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan penglibatan diri untuk bersedekah	0.66	6	0.57	5	0.74	5	0.63	5	0.70	5
	7.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan untuk lari dari maksiat	0.68	5	0.29	7	0.77	4	0.85	2	0.75	4
	8.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan masalah kewangan	0.67	1	0.80	2	0.69	1	0.55	5	0.67	1
	9.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan kehilangan sumber pendapatan	0.55	3	0.46	4	0.53	5	0.62	4	0.53	4
	10.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan tidak dapat mencari kerja	0.58	2	0.89	1	0.69	1	0.69	2	0.67	1
	11.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan kesempitan dalam membeli keperluan harian	0.52	4	0.57	3	0.57	3	0.76	1	0.57	3
	12.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan dengan bebanan hutang meningkat	0.39	5	0.37	5	0.57	4	0.63	3	0.53	5
	13.	Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan	0.37	7	0.40	8	0.45	4	0.63	4	0.43	5

Kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kepada oleh wanita Islam dunia	Malaysia		Kenya		Arab Saudi		Mesir		Oman	
	IKR	K	IKR	K	IKR	K	IKR	K	IKR	K
masalah gementar										
14. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan susah bernafas	0.37	8	0.51	7	0.36	7	0.41	7	0.33	7
15. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan terasa tekanan di dada	0.38	6	0.60	5	0.36	7	0.55	6	0.33	7
16. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan melakukan senaman	0.67	1	0.69	2	0.45	4	0.87	1	0.49	3
17. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan pengamalan diet seimbang	0.59	4	0.57	6	0.49	1	0.72	3	0.55	1
18. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan pengamalan gaya hidup sihat	0.67	2	0.69	2	0.49	1	0.79	2	0.55	1
19. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan bertambah berat badan	0.61	3	0.80	1	0.41	6	0.55	5	0.42	6
20. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan kegelisahan	0.57	5	0.69	2	0.49	3	0.41	7	0.47	4
21. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan emosi negatif	0.61	2	0.80	1	0.51	6	0.69	3	0.48	6
22. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan tekanan	0.54	6	0.69	7	0.54	5	0.54	6	0.50	5
23. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan kekecewaan	0.60	3	0.80	1	0.55	4	0.69	3	0.54	4
24. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan ketakutan	0.58	5	0.80	1	0.51	6	0.61	5	0.48	6
25. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi emosi tidak stabil	0.58	4	0.80	1	0.69	1	1.00	1	0.67	1
26. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan diri merasa keseorangan	0.62	1	0.80	1	0.59	3	0.54	6	0.58	3
27. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan perasaan cemas	0.53	7	0.80	1	0.69	1	0.76	2	0.67	1
28. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan masalah untuk tidur	0.61	5	0.66	4	0.38	7	0.69	5	0.34	7
29. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan tidur lebih banyak	0.61	6	0.71	2	0.53	6	0.62	6	0.49	6
30. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan penglibatan diri dengan kelas	0.77	2	0.80	1	1.00	1	0.93	1	1.00	1

Lebih terkesan

Kesan-kesan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 kepada oleh wanita Islam dunia	Malaysia		Kenya		Arab Saudi		Mesir		Oman	
	IKR	K	IKR	K	IKR	K	IKR	K	IKR	K
pengajian di atas talian										
31. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan penglibatan diri dengan kursus latihan di atas talian	0.54	7	0.46	7	0.59	4	0.79	3	0.61	4
32. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan penglibatan diri untuk membaca	0.71	4	0.51	6	0.55	5	0.58	7	0.59	5
33. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan penglibatan diri mencari minat dan ilmu baru	0.79	1	0.71	2	0.75	2	0.80	2	0.77	2
34. Perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan penglibatan diri menghabiskan masa untuk perbincangan ilmiah	0.75	3	0.63	5	0.65	3	0.74	4	0.66	3

\*\*\**Penunjuk*

Rohani	Kewangan	Fizikal	Emosi	Intelektual
--------	----------	---------	-------	-------------

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 memberi kesan kepada wanita islam di serata dunia. Antara aspek-aspek yang terkesan adalah aspek rohani, kewangan, fizikal, emosi dan intelektual. wanita Islam di Malaysia, Kenya, Arab Saudi, Mesir dan Oman terkesan dari aspek rohani, fizikal dan intelektual dengan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan COVID-19 secara positif tetapi tidak di Kenya untuk aspek rohani. Bagi aspek lain, aspek fizikal, emosi dan kewangan sangat berbeza untuk kelima-lima negara berkemungkinan hubungkaitnya dengan faktor budaya setempat. Walaubagaimanapun, kesan-kesan dari aspek kewangan dan emosi secara negatif ini bukanlah sesuatu yang kritikal kerana nilai IKR yang kurang dari 0.8 (Akadiri, 2011); Rooshdi et al. 2018). Kajian ini mencadangkan kajian di masa hadapan boleh diteruskan dengan mengkaji cara untuk mengatasi kesan-kesan negatif kepada perintah kawalan pergerakan COVID-19.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Purta Malaysia (UPM) dan Estiva Home (Malaysia) kerana memberikan sokongan kewangan untuk makalah ini diterbitkan.

## RUJUKAN

- Arof, K. Z. M., Ismail, S., Najib, N. H., Subramaniam, C., Azman, S., Saleh, A. L., & Ahmad, H. (2019). Critical Causal Factors of Failure (CCFF) in Adopting a Biophilic City Concept In Malaysia. *Journal of Critical Reviews*, 7(5), 2020.
- Akadiri, O. P. (2011). Development of a Multi-Criteria Approach for the Selection of Sustainable Materials for Building Projects. Retrieved from [http://wlv.openrepository.com/wlv/bitstream/2436/129918/1/Akadiri\\_PhD thesis.pdf](http://wlv.openrepository.com/wlv/bitstream/2436/129918/1/Akadiri_PhD%20thesis.pdf)
- Alshammari, T. M., Altebainawi, A. F., dan Alenzi, K. A. (2020). Importance of early precautionary actions in avoiding the spread of COVID-19: Saudi Arabia as an Example. *Saudi Pharmaceutical Journal*, 28(7), 898-902.
- Bilici, M. (2020). Covid-19's Impact on American Muslims: Notes from Ramadan 2020. <https://themaydan.com/2020/07/covid-19s-impact-on-american-muslims-notes-from-ramadan-2020/>
- Basir, E. K. (2020). COVID-19: Risiko Masalah Mental, Perlu Penyelesaian Terbaik- Pakar. *Bernamea*. Retrieved from [https://www.bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=1827662](https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1827662)
- Devi, R. S. S. dan Nazrudin, A. S. (2020). Emosi Terperuk Di Rumah. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/04/562982/emosi-terperuk-di-rumah>
- Ghazali, M. A. I., Arof, K. Z. M., Juhaidi, J., dan Hehsan, A. The Relationship of Halal Food and Ibadah among Muslim Community in Malaysia. *NHJ Nusantara Halal Journal NHJ*.
- Güner, H. R., Hasanoğlu, I., and Aktaş, F. (2020). COVID-19: Prevention and control measures in community. *Turkish Journal of medical sciences*, 50(SI-1), 571-577.
- Hassan, M. N. PKP Menggalakkan Penghayatan Rukun Negara (2020). Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/341987367\\_PKP\\_Menggalakkan\\_Penghayatan\\_Rukun\\_Negara](https://www.researchgate.net/publication/341987367_PKP_Menggalakkan_Penghayatan_Rukun_Negara)
- Hayin, N. M. (2020). Mengurus emosi, mental ketika PKP. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/sihat/2020/05/573954/mengurus-emosi-mental-ketika-pkp>
- Hiremath, P., Suhas Kowshik, C. S., Manjunath, M., and Shettar, M. (2020). COVID 19: Impact of Lock-Down on Mental Health and Tips To Overcome. *Asian journal of psychiatry*, 51, 102088. <https://doi.org/10.1016/j.ajp.2020.102088>
- Isa, M. Y. A. M. (2020). Peluang Fahami Kaedah Ibadah Ketika Wabak *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/06/696540/peluang-fahami-kaedah-ibadah-ketika-wabak>

- Ngadi, E. (2020) COVID19-Implikasi Pengajaran Dan Pembelajaran Atas Talian. Retrieved from <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>
- Nunnally, J. C., Bernstein, I. H. and Berge, J. M. T. (1967). *Psychometric theory* (Vol. 226). New York: McGraw-hill.
- Ozalp, M. (2020). How Coronavirus Challenges Muslims' Faith and Changes Their Lives. Retrieved from <https://theconversation.com/how-coronavirus-challenges-muslims-faith-and-changes-their-lives-133925>
- Ramadass, L., Arunachalam, S., dan Sagayasree, Z. (2020). Applying Deep Learning Algorithm to Maintain Social Distance in Public Place through Drone Technology. *International Journal of Pervasive Computing and Communications*.
- Roques, L., Klein, E. K., Papaix, J., Sar, A., dan Soubeyrand, S. (2020). Impact of lockdown on the epidemic dynamics of COVID-19 in France. *Frontiers in medicine*, 7, 274.
- Rooshdi, R. R. R. M., Majid, M. Z. A., Sahamir, S. R., dan Ismail, N. A. A. (2018). Relative Importance Index of Sustainable Design and Construction Activities Criteria for Green Highway. *Chemical Engineering Transactions*, 63(2007), 151–156. <https://doi.org/10.3303/CET1863026>
- Sahari, M. N. (2020). PKP Tidak Halang Umat Islam Jayakan World #QuranHour. *Utusan Borneo Online*. retrieved from <https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/15/pkp-tidak-halang-umat-islam-jayakan-world-quranhour>
- Singh, S., Roy, D., Sinha, K., Parveen, S., Sharma, G., dan Joshi, G. (2020). Impact of COVID-19 and Lockdown on Mental health of children and Adolescents: A Narrative Review with Recommendations. *Psychiatry research*, 293, 113429. <https://doi.org/10.1016/j.psychres.2020.113429>
- Sui-Lee, W., Donald, G. M. J dan Javier, C. H. (2020 January 30). W.H.O. Declares Global Emergency as Wuhan Coronavirus Spreads. *The New York Times*. The New York Times Company. New York.
- Spitzenstätter, D dan Schnell, T. (2020) The Existential Dimension of The Pandemic: Death Attitudes, Personal Worldview, And Coronavirus Anxiety. *Death Studies* 0:0, pages 1-11.
- Talha, R. (2020). Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan Kepada Penduduk Malaysia New Letter. *Department of Statistics Malaysia*. Retrieved from [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM\\_BPPD\\_1-2020\\_Siri-17.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPPD_1-2020_Siri-17.pdf)
- Thunstrom, L., Newbold, S., Finnoff, D., Ashworth, M., dan Shogren, J. F. (2020). The Benefits and Costs of Flattening the Curve for COVID-19. Available at SSRN 3561934.
- Xiong, J., Lipsitz, O., Nasri, F., Lui, L. M., Gill, H., Phan, L., dan McIntyre, R. S. (2020). Impact of COVID-19 pandemic on mental health in the general population: A systematic review. *Journal of affective disorders*.